

**RISALAH PENDEDAHAN PRODUK**

Pelanggan yang Dihormati,
Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini memberikan anda maklumat penting mengenai Kad Kredit-i Ikhwan Maybank Islamic. Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia berguna; anda juga disarankan untuk membacanya.

Kad: **Kad Kredit-i Ikhwan Maybank Islamic**

Tarikh: Disember 2025

1. Apakah Kad Kredit-i Ikhwan Maybank Islamic?

Kad Islamik berasaskan Kontrak Syariah Murabahah (kos berserta keuntungan) melalui konsep Tawarruq (Komoditi Murabahah). Ia adalah kaedah jualan di mana kos perolehan dan harga penambahan adalah diketahui oleh anda di mana anda membayar harga dalam tempoh masa yang dipersetujui. Aset yang mendasari urusniaga jualan antara anda dan kami adalah komoditi khusus patuh Syariah yang boleh diniagakan.

- 1.1 Mengikut transaksi jual beli secara Komoditi Murabahah, kami memperoleh/membeli komoditi patuh Syariah daripada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 1) atas permintaan anda.
- 1.2 Kami kemudian menjual komoditi kepada anda dengan pada harga jualan yang dipersetujui (kos campur untung) atas dasar pembayaran tertunda
- 1.3 Anda kemudiannya melantik pihak kami sebagai wakil untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) yang lain pada kos dan secara langsung.
- 1.4 Sebagai wakil anda, kami kemudiannya menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) pada harga yang bersamaan dengan jumlah Had Kad.
- 1.5 Hasil jualan komoditi akan dikeluarkan dalam bentuk Had Kad yang diberikan kepada akaun kad anda, tertakluk kepada terma dan syarat kemudahan
- 1.6 Anda dengan ini secara tidak boleh ditarik balik melantik dan memberi kuasa kepada kami sebagai wakil bi-daf' (ejen pembayaran) untuk menggunakan hasil yang dijana daripada transaksi Tawarruq untuk menyelesaikan apa-apa bayaran yang perlu dibayar kepada peniaga atau pihak ketiga lain yang timbul daripada penggunaan Kad Kredit oleh anda. Anda mengakui dan bersetuju bahawa peranan kami sebagai wakil bi-daf' akan dihadkan untuk membuat pembayaran sedemikian bagi pihak anda daripada hasil tersebut, dan bahawa anda akan kekal bertanggungjawab akhirnya ke atas semua kewajipan dan liabiliti yang timbul di bawah Perjanjian ini.

Untuk transaksi Komoditi Murabahah di bawah kemudahan ini, pada setiap masa kami menjadi ejen bukan eksklusif bagi pihak anda, dalam melaksanakan transaksi Komoditi Murabahah yang berkaitan dengan kemudahan ini.

Kami akan menetapkan dan menentukan, bagi pihak anda, Had Kad sebelum pelaksanaan Komoditi Murabahah, berdasarkan gaji yang diisytiharkan oleh anda dan sentiasa tertakluk kepada had maksimum yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dalam Dokumen Polisi untuk Kad Kredit-i

Harga Jualan Bank

Harga jualan yang perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank yang terdiri daripada harga Belian Bank dan keuntungan Bank
=Had Kad + jumlah keuntungan (Had Kad X Kadar Keuntungan (28%) x Tempoh Akad (5 tahun))

Ibra'

Kami akan memberi rebat (*Ibra'*) kepada anda dalam, tetapi tidak terhad kepada, situasi-situasi berikut:

- a. Anda membuat penyelesaian awal sebelum pengeluaran penyata akaun bulanan atau, dalam tempoh 20 hari dari pengeluaran penyata akaun bulanan; dan
- b. Sekiranya penggunaan Had Kad adalah kurang daripada jumlah keuntungan yang diperolehi daripada Komoditi Murabahah.
Rebat-rebat tersebut tidak boleh dianggap sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada anda, tetapi sebagai penolakan dari elemen keuntungan pada Harga Jualan Bank bagi pembiayaan tersebut. Rebate tersebut hanya akan diberikan selepas kami menerima jumlah penyelesaian/penebusan berdasarkan formula berikut:

Baki Harga Jualan	Tolak	Baki Had Kad	Tolak	Amaun lain yang perlu dibayar kepada bank
-------------------	--------------	--------------	--------------	---

2. Ketahui obligasi anda

- Anda perlu membayar keuntungan dan caj berikut:-
 - i. Kadar Keuntungan Efektif dikenakan ke atas transaksi belum jelas selepas tarikh akhir pembayaran.

Kadar Keuntungan Efektif	Sebulan	Setahun
Untuk pembayaran segera 12/12 bulan	1.25%	15%
Untuk pembayaran segera 10/12 bulan	1.42%	17%
Untuk pembayaran segera kurang daripada 10/12 bulan	1.50%	18%

Sekiranya anda membuat sekurang-kurangnya 10 pembayaran segera dalam pembayaran dalam 12 bulan lepas, untuk bulan ke-13 dan seterusnya anda boleh menikmati Kadar Keuntungan yang lebih rendah.

- ii. Bagi urus niaga runcit, Kadar Keuntungan Efektif dikira dari tarikh catatan sehingga bayaran penuh diterima.
- iii. Bagi urus niaga pendahuluan/pengeluaran tunai Kadar Keuntungan Efektif dikira dari tarikh urus niaga sehingga bayaran penuh diterima.
- iv. Pembayaran pada atau sebelum tarikh akhir seperti yang dinyatakan dalam penyata bulanan, dengan jumlah tidak kurang daripada bayaran minimum.
- v. **Bayaran minimum:** 5% baki belum jelas atau RM25, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
- vi. **Caj pembayaran lewat:** 1% daripada baki belum jelas mengikut tarikh penyata atau minimum RM 10.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi sehingga maksimum RM 100.00.
- vii. **Kaedah Peruntukan Bayaran:** Sebarang bayaran yang diterima daripada Ahli Kad untuk menyelesaikan baki tertunggak akan ditolak dengan cara berikut:
 - a. Bayaran yang diterima sama/kurang daripada bayaran bulanan minimum, sehingga 30% daripada jumlah tersebut diperuntukkan untuk menyelesaikan bahagian keuntungan baki.
 - b. Bayaran lebih daripada bayaran bulanan minimum; lebihan akan menyelesaikan baki berdasarkan susunan baki yang menarik kadar keuntungan tertinggi.
- viii. Pembayaran anda akan mengembalikan Had Kad anda sewajarnya.

- Caj lain yang berkaitan, jika berkenaan

Yuran Tahunan		
Produk Kad Kredit-i Maybank Ikhwan Tersedia	Utama	Tambahan
Kad Kredit-i Maybank Islamic Mastercard Ikhwan Visa Gold	Dikecualikan	Dikecualikan
Kad Kredit-i Maybank Islamic Mastercard Ikhwan Visa Platinum		
Kad Kredit-i Maybank Islamic PETRONAS Ikhwan Visa Gold		
Kad Kredit-i Maybank Islamic PETRONAS Ikhwan Visa Platinum		
Kad Kredit-i Maybank Islamic Ikhwan American Express Platinum		
Kad Kredit-i Maybank Islamic myimpact Ikhwan Mastercard Platinum		
Kad Kredit-i Maybank Islamic World Elite Mastercard Ikhwan	RM800 (Percuma bagi tahun pertama dan dikecualikan dengan perbelanjaan tahunan minimum RM80,000 untuk tahun berikutnya)	Percuma (maksimum 4 kad adalah percuma. Caj tambahan RM400 dikenakan bagi kad ke-5)
Kad Kredit-i Ikhwan Visa Infinite		
Caj Kredit Kad-i Lain		
Caj Pendahuluan Tunai	5% daripada jumlah yang didahulukan atau minimum RM18, yang mana lebih tinggi.	
Fi Penggantian Kad-i	RM50.00 bagi setiap kad kecuai Kad Kredit Islamic World Elite Mastercard Ikhwan (RM175.00).	
Fi Mencetak Draft Jualan	RM15 bagi setiap salinan	
Fi Permintaan Penyata Tambahan	<ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya penyata dalam tempoh 2 tahun: RM5 bagi setiap penyata bulanan • Sekiranya tempoh penyata melebihi 2 tahun: RM10 bagi setiap penyata <p><i>Nota: Untuk permintaan disebabkan 'kerosakan', 'tidak terima' dan 'hilang', caj RM5 akan dikenakan bagi tempoh penyata melebihi 3 bulan dari penyata bulanan semasa.</i></p>	
Fi Pertukaran bagi Transaksi Luar Negara	<ul style="list-style-type: none"> • Transaksi-transaksi yang dijalankan di luar negara akan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada tarikh transaksi diterima dan/atau diproses. Amaun yang ditukarkan tersebut akan ditunjukkan dalam penyata anda. Kadar pertukaran yang digunakan untuk penukaran mungkin berbeza daripada kadar semasa dikenakan pada tarikh transaksi urus naiga disebabkan oleh keadaan turun naik pasaran. Kadar pertukaran yang digunakan untuk menukar transaksi yang dibuat dalam mata wang asing merupakan satu gabungan (i) komponen penukaran mata wang 1.25% yang dikenakan oleh Visa International atau Mastercard International (dalam Kes Kad Kredit-i Ikhwan Visa atau Mastercard), dan (ii) 1% atau pada kadar lain yang dikenakan oleh pihak kami. • Semua penukaran asing yang ditukar oleh American Express dikenakan caj sebanyak 2.5% kepada amaun yang ditukar. Caj yang dibuat dalam mata wang asing selain Dolar A.S apabila penukaran dilakukan oleh American Express akan ditukar ke Dolar A.S. sebelum ditukarkan ke dalam mata wang yang diminta. 	
Cukai Perkhidmatan	RM25 akan dikenakan ke atas setiap kad kredit-i Ikhwan utama dan tambahan setelah pengaktifan dan pembaharuan tahunan kad kredit-i Ikhwan utama dan tambahan.	

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Baca **terma dan syarat** untuk Kad Kredit-i Maybank Islamic sebelum anda memohon.



Pastikan bayaran kad kredit anda dibuat **tepat pada masanya**.



Hubungi kami dengan segera jika anda tidak dapat membayar seperti dalam penyata bulanan anda.

3. Ketahui risiko anda

Apa yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda?

- Anda akan membayar lebih secara keseluruhan disebabkan caj lewat bayar dan Kadar Keuntungan efektif.
- Kami berhak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda yang disimpan bersama kami terhadap baki tertunggak anda.
- Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat, kami berhak untuk menamatkan kad anda.
- Langkah undang-undang mungkin diambil jika anda gagal memenuhi kewajipan sekurang-kurangnya pembayaran minimum.
- Skor kredit anda mungkin terjejas, menyebabkan kemudahan kredit menjadi lebih sukar atau mahal untuk anda.
- Ahli Kad individu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembayaran.

4. Terma-terma penting lain

- Penggunaan Kad dilarang di Kod Kategori Pedagang (KKP) Tidak Patuh Syariah termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

No.	KKP	Butiran
1	5921	Kedai Pembungkusan – Bir, Wain dan Arak
2	5993	Stor dan Gerai Cerut
3	7261	Perkhidmatan Pengebumian dan Pembakaran Mayat
4	7273	Perkhidmatan Janji Temu
5	7800	Loteri Milik Kerajaan (Wilayah AS sahaja)
6	7801	Kasino Dalam Talian Berlesen Kerajaan (Perjudian Dalam Talian) (Wilayah AS sahaja)
7	7802	Lumba Kuda/Anjing Berlesen Kerajaan (Wilayah AS sahaja)
8	7995	Pertaruhan, termasuklah Tiket Loteri, Cip Perjudian Kasino, Pertaruhan Luar Trek dan Pertaruhan dalam Trek Perlumbaan
9	9406	Loteri Milik Kerajaan (Bukan Wilayah AS)
10	9754	Perjudian – Lumba Kuda/Anjing, Loteri Negeri

- Sila kemas kini maklumat hubungan anda dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan bagi memastikan surat-menyurat dapat dilakukan tepat pada masanya.
 - Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut atau pertanyaan tentang Kad Kredit-i Ikhwan, anda boleh melayari laman web www.maybankislamic2u.com.my / www.americanexpress.com.my. Hubungi kami di talian 1300-88-6688 atau emel di mhbcardservices@maybankislamic.com.my
 - Alternatif lain anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit yang telah didirikan oleh Bank Negara Malaysia yang menawarkan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kredit kaunseling, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:- Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail, 8th Floor Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur. Tel: 1800-22-2575, Emel: enquiry@akpk.org.my
 - Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami dengan cara yang memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 1300-88-5465, Emel: bnmtelexlink@bnm.gov.my
- Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini dikeluarkan pada Disember 2025 dan sah sehingga semakan semula berkala yang seterusnya.